



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA
KEMBARA MERDEKA DESA MADANI KKDW 2023

TARIKH/MASA
15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)
MASA KETIBAAN: 10.00 PAGI

LOKASI
DATARAN GEMILANG
PRESINT 4, PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengurus Majlis
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah RahmatNya juga, maka pada hari ini kita dapat bersama-sama pada **Majlis Perasmian Penutupan Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023** di Dataran Gemilang pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan Syabas dan Tahniah! kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) khususnya Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di atas kejayaan penganjuran program **Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023** dengan jayanya.

3. Ucapan penghargaan kepada agensi dan jabatan yang menjadi rakan strategik iaitu Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Perbadanan Putrajaya (PPJ), Polis

Diraja Malaysia (PDRM) Putrajaya, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Nadi Putra Travel & Tours. Seterusnya tidak ketinggalan agensi di bawah KKDW iaitu Bahagian Komuniti Desa, KEMAS Negeri Pulau Pinang, KEMAS Negeri Perak, KEMAS Negeri Selangor, KEMAS Negeri Sembilan dan KEMAS Wilayah Persekutuan khususnya dalam penyediaan aktiviti Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023.

PENGISIAN AKTIVITI KEMBARA MERDEKA DESA MADANI TAHUN 2023

Hadirin yang dihormati,

4. Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023 ini, telahpun bermula dari 12 hingga 15 September 2023 (hari ini) yang merupakan program jelajah diadakan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan di bawah Program Pembangunan Komuniti “e-Read” sebagai platform sebaran maklumat **KENEGARAAN DAN PATRIOTISME.**

5. Maka, bertepatan dengan program sambutan bulan kemerdekaan ini dimeriahkan dengan aktiviti kembara seperti demikian. Konvoi berkenderaan ini melibatkan masyarakat desa dan belia seramai **275 orang** daripada

empat (4) negeri yang terpilih. Aktiviti kembara bermula daripada *Check Point (CP)* terpilih dan diikuti konvoi mengikut *pit stop* persinggahan yang ditetapkan oleh KEMAS Negeri. Bermula dari Negeri Pulau Pinang dan diikuti Negeri Perak, seterusnya Negeri Selangor serta Negeri Sembilan daripada tarikh 12-15 September 2023.

6. Akhirnya, pada hari ini konvoi berkenderaan selamat menuju ke *Check Point* terakhir/penamat di Dataran Gemilang, Presint 4 Putrajaya dengan semangat membara dan jitu membawa jalur gemilang dengan megahnya.
7. Di samping itu, saya juga dimaklumkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang *Check Point (CP)* di setiap negeri tersebut seperti aktiviti sukaneka, jualan keusahawanan KEMAS, pertandingan lagu, bercerita, sajak, dan pakaian beragam bertema kemerdekaan dan sebagainya untuk membangkitkan lagi kehangatan kecintaan kepada negara yang tercinta. Syabas! Saya ucapkan.

KEPENTINGAN PERPADUAN DALAM MEMBENTUK SEBUAH NEGARA MAJU

Hadirin yang dihormati,

8. Acara konvoi sebegini mungkin ramai tak dapat lihat keberkesanannya. Tetapi konvoi ini adalah sebahagian daripada agenda besar untuk kita mendekati penduduk masyarakat desa & menyampaikan nilai perpaduan kepada mereka.
9. Konvoi ini juga dapat menguatkan sifat kekitaan dan semangat berganding bahu, tidak kira warna kulit dan rupa dalam membentuk sesbuah negara maju, aman, dan harmoni. Dengan semangat ini, mudah untuk kita laksanakan dan menyampaikan aspirasi Kerajaan kepada rakyat.
10. Sesungguhnya, **perpaduan** amat penting dalam pembangunan negara terutama ke arah kemajuan negara termasuk dalam meningkatkan ekonomi negara. Oleh itu, saya menyeru semua pihak perlu cakna dalam memastikan perpaduan dapat **dikekalkan antara kaum dan bangsa** dalam negara kita.
11. Hakikatnya, perpaduan menjadi elemen penting dalam membentuk negara maju. Justeru marilah kita sama-sama **mempertahankan kemerdekaan negara kita bagi menggilap Malaysia sebagai sebuah negara hebat dan menghargai kemerdekaan serta kedaulatan negara**

dengan **mengekalkan perpaduan** sebagaimana amanat YAB Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan 2023.

12. Saya ingin melihat **semangat patriotisme sentiasa mekar** dalam hati kita. Setiap tahun, semangat ini akan kita perkukuhkan lagi di sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan. Mudah-mudahan dengan cara ini rasa cinta kita kepada negara tidak akan kunjung padam sampai bila-bila.
13. Besarlah harapan saya, dengan penganjuran Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023 ini, akan memberi impak yang bermakna kepada kita semua, kita bukan sahaja suburkan **semangat patriotisme**, namun yang paling penting, **perasaan cinta kepada negara** boleh menjadi **tali pengikat utama** kepada perpaduan bangsa di negara kita.

PENUTUP

Hadirin Yang Dihormati,

14. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada pagi ini. Sekali lagi saya ingin menzahirkan rasa bangga dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan

waktu untuk sama-sama memeriahkan majlis pada pagi ini.

15. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program **Kembara Merdeka Desa Madani KKDW 2023** yang julung kalinya dilaksanakan di Putrajaya
16. Dengan **Iafaz Bismilahirrahmanirahim**, saya merasmikan **Majlis Perasmian Penutupan Kembara Merdeka Desa Madani KKDW tahun 2023.**

**Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamuaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**